

KUMPULAN KECIL INOVATIF & KREATIF (KIK)

[*Ataupun dikenali sebagai **Quality Control Circle (KIK)**]*

PENGENALAN

Kumpulan Kecil Inovatif & Kreatif (KIK) atau Quality Control Circle (QCC) ialah sekumpulan kecil pekerja, berasal dari bahagian tempat kerja yang sama, berkumpul secara sukarela untuk mengenalpasti masalah kerja, menganalisa, menyiasat punca sebab masalah dan seterusnya mencadangkan penyelesaian dan menyelesaikan masalah tersebut. Amalan KIK dalam organisasi dapat membantu memperbaiki mutu kerja, kualiti produk, meningkatkan produktiviti, menyenangkan komunikasi diantara pekerja dengan pengurus, dan seterusnya menyumbang terus kepada keuntungan organisasi tersebut. KIK memainkan peranan yang penting untuk menghidupkan ekonomi Jepun selepas Perang Dunia Kedua. Dengan mengamalkan KIK secara besar-besaran, Jepun telah dapat membangkit dan menguasai pasaran dunia dengan barangan yang berkualiti tinggi dan harga murah. Melalui pengalaman Jepun, 95% dari masalah di tempat kerja boleh di selesaikan oleh KIK dengan bantuan alat-alat QC [Ishikawa, 1986]. Bersama dengan teknik penyelesaian masalah yang bersistematik, alat-alat QC dapat membantu ahli-ahli KIK menyelesaikan masalah kerja mereka dengan mudah. KIK juga bertanggungjawab memperbaiki hubungan dan komunikasi 2-hala diantara pekerja dan majikan. Majikan menjadi lebih peka terhadap masalah yang dialami oleh pekerja dan memberi sokongan penuh kepada pekerja. Pekerja pula menaruh minat, perhatian dan kemahiran mereka untuk menyelesaikan masalah dan memperbaiki mutu produk dan suasana kerja mereka. Program KIK secara amnya memerlukan struktur organisasi yang terlindung dalam sistem standard kualiti ISO 9000 dimana struktur organisasi pengurusan dan latihan diberikan penuh perhatian. KIK merupakan sebahagian daripada program Pengurusan Kualiti Secara Menyeluruh (TQM) syarikat. Organisasi yang mengamalkan program KIK juga dapat menambah kepada keyakinan pelanggan.

Kursus ini adalah direka khusus untuk melatih Ahli-Ahli, Ketua dan Fasilitator kumpulan KIK bagaimana membentuk kumpulan, menjalankan aktiviti KIK dan menjayakan objektif KIK di dalam organisasi. Kursus latihan ini adalah asas dan perlu untuk mereka yang mahu mengamalkan dan menjayakan program KIK di tempat kerja mereka.

OBJEKTIF KURSUS :

Selepas menghadiri kursus ini, peserta akan dapat...

- Memahami matlamat, kebaikan dan kaedah operasi KIK
- Menggunakan teknik-teknik mudah untuk membentuk KIK
- Belajar kemahiran penyelesaian masalah secara bersistematik
- Mengendalikan aktiviti-aktiviti mesyuarat KIK dengan cara yang betul dan berkesan
- Membina keyakinan diri dan kemahiran membuat presentasi.
- Memupuk semangat berpasukan diantara ahli-ahli kumpulan
- Meningkatkan penyertaan dan sokongan untuk menjayakan aktiviti-aktiviti KIK.

KHAS UNTUK PESERTA-PESERTA:

Kursus ini sesuai untuk:

- Pemudahcara KIK, Ketua Kumpulan SGA/KIK, Ahli-ahli SGA/KIK

KANDUNGAN KURSUS:

1. **Pengenalan:**
 - Apa itu KIK?
 - Sejarah KIK.
 - Kelebihan KIK dan masalahnya.
 - Peranan pihak Pengurusan, Pemudahcara KIK, Ketua KIK dan Ahli KIK
 - Definisi kualiti
 - Kaedah PDCA: Pendekatan penyelesaian masalah dan kreativiti
 - Penyelesaian masalah yang efektif secara berpasukan.
2. **Latihan Kes 1:**
 - Kes belajar 1 : Menenalpasti masalah kualiti di tempat kerja
 - Mendefinisikan masalah
 - Menggunakan cara penyelesaian masalah bersistematik
 - Menggunakan alat-alat QC dan aplikasinya
 - Teknik “Brainstorm” dan teknik menyoal
3. **Komunikasi dan Cara Mengendalikan Mesyuarat KIK**
 - Konsep motivasi.
 - Semangat berpasukan, Komitmen dan Produktiviti
 - Cara berkomunikasi yang berkesan
 - Kemahiran-kemahiran inter-personal
 - Cara mengendalikan mesyuarat KIK dan pelaksanaan aktiviti KIK
4. **Latihan Kes 2:**
 - Kes belajar 2 : Membina pasukan KIK
 - Latihan membentuk satu kumpulan KIK untuk menyelesaikan masalah kerja.
 - Mengendalikan mesyuarat KIK
 - Menggunakan Kitaran PDCA untuk menambahbaik kualiti
 - Menggunakan 7 Alat-alat QC untuk menyelesaikan masalah kes belajar.
5. **Membuat Presentasi KIK:**
 - Mengaris-bentuk Cerita QC
 - Apakah yang perlu disampaikan dalam presentasi KIK
 - Kerjasama ahli-ahli dalam presentasi KIK.
 - Usaha dan semangat berpasukan dalam membuat presentasi KIK
6. **Pelan Perlaksanaan KIK :**
 - Perancangan untuk memulakan KIK
 - Pelan tindakan dan pelaksanaan

MAKLUMAT-MAKLUMAT SELANJUTNYA:

Kursus ini akan mengambil selama : 2 hari

Masa : 9.00pagi – 5.00 petang

Tempat : Program In-house atau Kursus Awam

RESUME PENGAJAR :

Nelson Kok merupakan seorang graduan dari Universiti Sains Malaysia, yang berkecayaan **Sarjana dalam Pentabiran Perniagaan (MBA) dan juga Sarjana Muda Sains (B.Sc (Hons) Geophysics)**. Dia merupakan seorang Jurulatih Bertauliah sejak tahun 1993 dan disijilkan Personality I.D® Consultant. Nelson mempunyai lebih daripada **30 tahun pengalaman** bekerja dengan syarikat-syarikat multinasional dan tempatan. Bidang pengkhususannya ialah dalam Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia. Dari segi karier, dia pernah memegang jawatan-jawatan seperti General Manager, Human Resources Manager, Training Manager, TQM Manager dan juga Production Manager.

Nelson sekarang bekerja sebagai seorang Jurulatih Korporat & Konsultan yang bertauliah kepada banyak syarikat-syarikat multinasional di Malaysia, Brunei, Singapura, Indonesia, Thailand, Myanmar, U.A.E, K.S.A, Oman dan Sudan. Dari pengalaman luasnya, dia sudah melatih lebih dari 14,000 peserta, dan telah banyak mengendalikan program-program latihan khas untuk syarikat-syarikat multinasional seperti *BMW, SHELL, PETRONAS, MA'ADEN (Saudi Arabian Mining Company), OMIFCO (Oman), PORT SOHAR (Oman), CRISTAL (Jeddah), KENANA Sugar Co.(Khartoum), MTN, ZAIN, BANK OF EGYPT, Petro-Energy E&P (Khartoum), White Nile Petroleum Operating Co., DAL Motors, Federal Electricity & Water Authority (FEWA) Dubai, Bahrain Electricity & Water Authority (BEWA) Bahrain, Groz-Beckert (Indonesia), ThyssenKrupp Industrial Solutions (Thailand), Global Edutech Management (Suzhou) Co, Motorola, ALTERA, DELL, AMD, Western Digital, Seagate, Infineon, Agilent, Osram, Jabil, Plexus, Siltera, SONY, Matsushita, Sumitomo, Toray, ING Insurance Malaysia, Lafarge Malayan Cement Bhd, Securities Commission Malaysia, Telekom Malaysia, Malaysia Communications and Multimedia Corporation(MCMC), JKR, VADS, dll.* Beliau juga pernah bekerja sebagai pensyarah/penceramah, mewakili beberapa buah institusi pengajian tinggi seperti Open University Malaysia (OUM), Society of Business Practitioners, UK (SBP), and International Centre for Quality, Sudan.

Dari segi pengalaman, beliau sendiri pernah dilatih di negara-negara Jepun, Singapura, Malaysia, dan Thailand. Sekarang, Nelson merupakan seorang Jurulatih Konsultan yang bertauliah untuk melatih pelbagai program-program latihan khas seperti *'7 Habits of Highly Effective People, Personality ®ID, Problem Solving & Decision Making, Zenger-Miller Frontline Leadership Program, Performance Management System (PMS), Managerial Decisions & Business Modeling, Managerial Statistics, Train-The-Trainer, Total Quality Management (TQM), Statistical Process Control (SPC), Quality Control Circles (QCC) Facilitator, 7QC Tools, Total Productive Management, MRPII, ERP, Team Building Program, dan banyak lagi.* Beliau juga berpengalaman menerajui usaha mendapat persijilan ISO 9002 & memenangi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kualiti (QMEA) untuk syarikat-syarikat yang beliau pernah bekerja. Bidang pengkhususan Nelson ialah untuk menolong organisasi meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi IT terbaru, teknik Pengurusan yang berkesan serta alat-alat Kualiti yang sudah terbukti berhasil.